



KEMENTERIAN PELANCONGAN  
SENI DAN BUDAYA

## RANGKA KERJA PEMULIHAN PELANCONGAN 2.0: MENCAPAI DAYA TAHAN INDUSTRI

MEMBINA MASA DEPAN LEBIH BAIK

### VISI KAMI

Malaysia – Destinasi Lestari Kaya Budaya

### MISI KAMI

Memperkasa Ekosistem Industri Pelancongan dan Kebudayaan yang Inklusif

### HALA TUJU STRATEGIK

Meningkatkan pendapatan negara, menggalakkan kerjasama pintar antarabangsa dan nasional, memperkasakan masyarakat setempat, mengukuhkan daya tahan serta memastikan kemampuan industri pelancongan negara dalam mendepani ketidakpastian masa depan.



Sila Imbas  
untuk ke  
halaman e-book



mymotac

[www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)

# RANGKA STRATEGIK: 5 TONGGAK



## Tonggak 1: Menyokong Pemulihan Perniagaan Pelancongan dan Kebudayaan

- Menyediakan bantuan fiskal dan bukan fiskal bagi menjamin kelangsungan dan daya maju perniagaan pelancongan dan kebudayaan.
- Menyediakan latihan dan pembangunan kemahiran yang sesuai untuk memenuhi keperluan industri pelancongan bagi mendorong pemulihan.
- Mewujudkan mekanisme sokongan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pelancongan.



## Tonggak 2: Memulihkan Keyakinan Pelancong dan Perjalanan Antarabangsa dan Intra-Rantau yang Lancar

- Mempromosikan pelancongan antarabangsa untuk meningkatkan ekonomi pelawat dan jumlah ketibaan pelancong.
- Menggalakkan penjajaran standard dan protokol kesihatan dan keselamatan serta pelancongan lestari dengan ASEAN dan pertubuhan antarabangsa.
- Mewujudkan mekanisme komunikasi yang berkesan dengan peniaga, pembeli, pengendali/pengusaha pelancongan dan pelancong terutamanya dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi yang selamat dan dipercayai.



## Tonggak 3: Mencipta Semula Produk/Perkhidmatan Pelancongan dan Kebudayaan Bagi Memacu Daya Saing

- Menggalakkan pembangunan perkhidmatan dan produk yang inovatif selaras dengan trend perjalanan baharu.
- Memfokuskan pada segmen tertentu dalam mempercepat pemulihan ke arah daya tahan.



## Tonggak 4: Menyelaraskan Pelancongan Dengan Kemampunan dan Keterangkuman

- Menetapkan asas pelancongan mampu - "Memberi Kembali Lebih Dari Yang Diambil".
- Menambahbaik infrastruktur di destinasi pelancongan bagi meningkatkan pengalaman pelancong.
- Memperkasa penglibatan wanita, belia dan orang asal dalam aktiviti/perniagaan pelancongan dan kebudayaan.



## Tonggak 5: Memperkuuhkan Pemulihan Dengan Ketahanan Jangka Panjang dan Kesediaan Menghadapi Krisis

- Mewujudkan program advokasi jangka panjang bagi mempromosikan kepentingan dan pergantungan kepada pelancongan.
- Meningkatkan kemahiran dan penggunaan teknologi digital dalam industri pelancongan.



Sila Imbas  
untuk ke  
halaman e-book

